

Bil. S 43

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83[3])

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Penggantian bab 45 dari Penggal 39
 3. Pemasukan bab 45A baru
 4. Pindaan bab 92
 5. Pindaan Jadual Pertama
 6. Pindaan Jadual Kelapan
 7. Pindaan Jadual Kesebelas
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2017.

Penggantian bab 45 dari Penggal 39

2. Bab 45 dari Akta Syarikat, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Penyata tentang pengumpulan saham oleh syarikat swasta

45. (1) Sebuah syarikat swasta boleh mengumpulkan saham baru, selain daripada anggapan pengumpulan, dengan menyerahkan kepada Pendaftar —

(a) suatu penyata pengumpulan dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar, yang termasuk butir-butir yang berikut —

- (i) bilangan dan amaun nominal saham yang terkandung dalam pengumpulan itu;
- (ii) amaun (jika ada) yang dibayar atau dianggap telah dibayar atas pengumpulan setiap saham;
- (iii) amaun (jika ada) yang belum dibayar atas setiap saham yang disebut dalam perenggan kecil (ii);
- (iv) nama penuh, pengenalan, kerakyatan (jika pengenalan atau kerakyatan itu, mengikut mana yang berkenaan, dikehendaki oleh Pendaftar) dan alamat, dan bilangan dan kelas saham yang dipegang oleh setiap seorang daripada ahli-ahlinya ; dan

(b) dalam hal saham yang diumpukkan sebagai berbayar sepenuhnya atau sebahagiannya melainkan dengan wang tunai, suatu kontrak secara bertulis yang mengandungi hak milik penerima

umpukan kepada pengumpulan itu berserta dengan apa-apa kontrak jualan, atau bagi perkhidmatan atau balasan lain yang berkaitan dengannya pengumpulan itu dibuat, kontrak tersebut telah sempurna disetemkan; dan suatu penyata yang menyatakan bilangan dan amaun nominal saham yang diumpukkan itu, setakat mana saham tersebut disifatkan sebagai berbayar dan balasan yang baginya saham tersebut telah diumpukkan.

[2] Dalam bab ini dan bab 45A, “anggapan pengumpulan” bermakna terbitan saham tanpa pengumpulan rasmi kepada pelanggan dalam memorandum dan perkara-perkara persatuan.”.

Pemasukan bab 45A baru

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 45 bab baru yang berikut —

“Penyata tentang pengumpulan saham oleh syarikat awam

45A. 1) Jika sebuah syarikat awam membuat sebarang pengumpulan sahamnya, selain daripada anggapan pengumpulan, syarikat itu hendaklah dalam masa 14 hari selepas itu menyerahkan kepada Pendaftar suatu penyata pengumpulan yang menyatakan —

(a) bilangan saham yang terkandung dalam pengumpulan itu;

(b) amaun (jika ada) yang dibayar atau dianggap telah dibayar atas pengumpulan setiap saham;

(c) amaun (jika ada) yang belum dibayar atas setiap saham yang disebut dalam perenggan (b);

(d) jika modal syarikat itu dibahagikan kepada saham yang berlainan kelas, kelas saham yang tergolong dalam setiap saham yang terkandung dalam pengumpulan itu; dan

(e) nama penuh, pengenalan, kerakyatan (jika pengenalan atau kerakyatan itu, mengikut mana yang berkenaan, dikehendaki oleh Pendaftar) dan alamat, dan bilangan dan kelas saham yang dipegang oleh setiap seorang daripada lima puluh orang ahli yang, berikutan dengan pengumpulan itu, memegang bilangan saham terbanyak dalam syarikat itu.

(2) Sekiranya ingkar mematuhi bab ini, tiap-tiap pegawai syarikat awam yang ingkar mematuhinya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda ingkar.”.

Pindaan bab 92

4. Pindaan bab 92 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Sebuah syarikat hendaklah, mulai dari tarikh pemerbadanannya, mempunyai sebuah pejabat berdaftar di dalam Negara Brunei Darussalam —

(a) yang kepadanya semua perhubungan dan notis boleh dialamatkan; dan

(b) yang akan terbuka kepada dan boleh diakses oleh orang ramai selama tidak kurang daripada 3 jam semasa waktu perniagaan biasa pada setiap hari perniagaan.”;

(b) dalam cerai (2), dengan memotong “incorporation of the company or of the change, as the case may be,” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “change”.

Pindaan Jadual Pertama

5. Jadual Pertama kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam Daftar A —

(i) pada muka surat 285, dalam perenggan 4, dengan memotong “under the seal of the company” dari baris kedua;

(ii) pada muka surat 294, dalam perenggan 59, dengan memotong “, either under seal, or” dari baris akhir kedua;

(iii) pada muka surat 296 —

(A) dengan memotong tajuk “SEAL” sejurus sebelum perenggan 71;

(B) dengan memotong perenggan 71;

(b) dalam Daftar C —

(i) pada muka surat 309, dalam perenggan 24, dengan memotong “, either under the seal or” dari baris akhir kedua;

(ii) pada muka surat 311 —

(A) dengan memotong tajuk "THE SEAL" sejurus sebelum perenggan 33;

(B) dengan memotong perenggan 33.

Pindaan Jadual Kelapan

6. Jadual Kelapan kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) pada muka surat 341, dalam peruntukan rujukan bab, dengan memotong "{sections 83(1), 83(3), 87(1), 175(6), 269(2) and 281(4)}" dan menggantikannya dengan "{section 289}";

(b) pada muka surat 343 —

- (i) dengan memotong butiran 17;
- (ii) dengan memotong butiran 18;
- (iii) dengan memotong butiran 19;
- (iv) dalam butiran 20, dengan memasukkan ", charter, statute or other instrument" sejurus selepas "association";

(c) pada muka surat 344 —

- (i) dengan memotong butiran 23;
- (ii) dengan memotong butiran 24;
- (iii) dengan memotong butiran 25;
- (iv) dengan memotong butiran 26;
- (v) dengan memotong butiran 27;
- (vi) dengan memotong butiran 28;
- (vii) dengan memasukkan sejurus selepas butiran 32 dua butiran baru yang berikut —

"32A.	Bagi memberikan salinan elektronik cabutan syarikat	30.00 bagi setiap salinan
32B.	Bagi memberikan salinan elektronik pemfailan elektronik	5.00 bagi setiap pemfailan";

(viii) dalam butiran 36, dengan memotong “20.00” dan menggantikannya dengan “50.00”;

(d) pada muka surat 345, dengan memasukkan sejurus selepas butiran 38 enam butiran baru yang berikut —

“39.	Apabila menyerahkan notis lantikan, penamatan lantikan atau perubahan butir-butir pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat	30.00
40.	Apabila menyerahkan resolusi bagi pengubahan tujuan dalam memorandum atau perkara-perkara syarikat	120.00
41.	Apabila menyerahkan penyata pengumpulan saham	30.00
42.	Apabila menyerahkan notis resolusi bagi penukaran nama syarikat	100.00
43.	Apabila menyerahkan notis penukaran kedudukan pejabat berdaftar	30.00
44.	Apabila menyerahkan notis penukaran kedudukan atau alamat atau penetapan kedudukan atau alamat berdaftar syarikat asing	30.00”.

Pindaan Jadual Kesebelas

7. Jadual Kesebelas kepada Akta itu adalah dipinda, pada muka surat 354, dengan memotong perenggan 6.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Sya’ban, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 4 haribulan Mei, 2017 di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM